

15 FEB 2001

Perpaduan-Mahathir

KECENDERUNGAN BAWA ISU JEJAS PERPADUAN NASIONAL MESTI DIATASI, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta supaya tindakan diambil bagi mengatasi kecenderungan masyarakat mempertikai perkara tertentu sehingga menjadi isu yang boleh membawa kepada perselisihan kaum.

Katanya perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri kepada Panel Penasihat Perpaduan Negara dalam pertemuan dengannya di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Siti Zaharah yang juga pengerusi panel itu berkata, Dr Mahathir mahu tindakan pembetulan dibuat terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat sekarang bagi mengelak masalah perpaduan nasional daripada berlarutan.

"Kalau perlu, kita wujudkan majlis-majlis dialog dengan segmen-segmen penting seperti kumpulan pelajar universiti, kumpulan tenaga pengajar di Institusi Pengajian Tinggi dan ahli media supaya mereka memahami kepentingan perpaduan negara kepada pembangunan negara," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Perdana Menteri itu.

Beliau berkata Perdana Menteri juga mahu fahaman masyarakat terhadap agama diperkemas dan diperbetulkan bagi mengembalikan sikap toleransi antara penganut yang berlainan agama di negara ini, seperti yang wujud pada masa lampau.

Perjumpaan antara Dr Mahathir dan 43 orang anggota panel itu berlangsung selama dua jam di di Bilik Mesyuarat Perdana.

Mengenai fahaman salah terhadap agama, Siti Zaharah berkata, Perdana Menteri memberi contoh perbezaan keadaan pelajar sekolah dan universiti pada masa dahulu dan sekarang daripada segi toleransi terhadap agama.

"Dulu kita masih boleh duduk dalam satu bilik yang dikongsi dengan kaum yang berbeza agama dan masih boleh melaksanakan tanggungjawab agama. Kini (pelajar) tak mahu kongsi bilik," katanya.

Siti Zaharah berkata perkara seperti itu akan disemak kerana telah berlaku salah anggapan terhadap agama sehingga memberi pengertian kurang betul.

"Semua agama nak bawa kepada keadaan yang boleh membawa kekuatan kepada perpaduan antara manusia, kebaikan nilai-nilai tertentu yang sejagat, tidak sebaliknya.

"Kalau ada elemen-elemen yang memecahkan atau dieksploitasi oleh pihak tertentu, kita berhak mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengelak perkara itu," katanya.

Perdana Menteri turut meminta panel itu menjelaskan tentang kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh para pengasas negara ini, yang telah menjadi teras kepada pembangunan negara dan kestabilan politik selama ini.

Siti Zaharah berkata, selaras dengan nasihat Perdana Menteri itu, panel itu akan memperhebatkan program penerangan khususnya kepada generasi muda bagi mengurangkan elemen tidak toleransi di kalangan masyarakat berbilang kaum, demi kepentingan, kestabilan dan keamanan negara.

Beberapa kajian, termasuk tinjauan terhadap tahap perpaduan nasional, akan turut dijalankan untuk dijadikan landasan bagi tindakan-tindakan pembetulan, katanya.

"Kita perlu buat kajian bercorak nasional dengan membandingkan dahulu dan sekarang bagi mencari sebab kenapa sikap tidak toleransi itu berlaku," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS MAI